

# Pas sedia maaf

## Dr Mahathir

BAH - 5/7/2006

**K**OTA KINABALU: Pas sedia memaafkan Tun Dr Mahathir Mohamad yang pernah dianggap sebagai musuh parti itu ketika menjadi Perdana Menteri, kata Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

"Kita sedia maafkan kesalahan sesiapa saja dan kita boleh menerima orang yang mengaku kesalahan kerana tidak rugi berbuat demikian.

"Dalam politik, musuh boleh menjadi kawan dan kawan bertukar menjadi musuh. Ini adat politik... perkara biasa," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Bagaimanapun, Abdul Hadi meletak prasyarat untuk bersemuka dengan Dr Mahathir terlebih dulu bagi berbincang sebagai bukti keikhlasan kedua-dua pihak untuk bekerjasama.

Ditanya sama ada Pas mengambil kesempatan daripada kemelut perbezaan pendapat di antara Dr Mahathir dengan pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Abdul Hadi berkata:

"Pendirian Pas ialah mengadakan hubungan dengan semua pihak, maka bila kita dipanggil menghadiri majlis yang dihadiri Dr Mahathir baru-baru ini, Pas secara rasmi mengarahkan beberapa pimpinan tertinggi parti supaya hadir."